

25 AUG 1999

KLCC-KEDIAMAN

KLCC HOLDINGS TIMBANG BANGUNKAN KEDIAMAN DI KLCC

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- KLCC (Holdings) Bhd kini menimbang kemungkinan membina pangsapuri kediaman di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) bagi memperlengkap kemudahan di sana, kata Pengerusi Tan Sri Azizan Zainul Abidin, hari ini.

Beliau berkata pembangunan bangunan kediaman seperti itu di KLCC akan bergantung kepada sentimen pasaran.

Jika KLCC (Holdings) memutuskan untuk meneruskan projek itu, ia akan dibuat menerusi usahasama seperti juga projek-projek lain di KLCC, katanya.

Projek KLCC yang terletak di bekas tapak Kelab Lumba Kuda Selangor, bermula pada September 1992.

Azizan berkata masih ada 16 bidang tanah untuk dibangunkan di kawasan KLCC.

Setakat ini, RM4 bilion telah dilabur dalam kawasan seluas 40-hektar (100-ekar) bagi pembangunan Menara Berkembar Petronas setinggi 88-tingkat, Menara Esso, Menara Maxis, Hotel Mandarin Oriental, pusat membeli-belah Suria KLCC, menara penyejuk kawasan, Masjid KLCC, taman KLCC dan kemudahan prasarana.

Bercakap semasa lawatan media di Menara Berkembar Petronas di sini, beliau berkata bangunan tertinggi di dunia itu menelan belanja RM1.8 bilion, satu angka yang disifatkan sebagai nilai untuk wang.

Ditanya berapakah nilai Menara Berkembar itu sekarang, beliau berkata syarikat itu belum membuat penilaian bangunan tersebut.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Menara Berkembar Petronas itu pada 31 Ogos, jam 8.30 malam.

Menara Berkembar Petronas juga mengandungi Dewan Filharmonik Petronas dengan 865 tempat duduk, pusat sains interaktif Petrosains dan Galeri Petronas.

Pembangunan KLCC dilaksana dan diuruskan oleh Kuala Lumpur City Centre Bhd, anak syarikat milik penuh KLCC (Holdings), usahasama antara Petronas dengan 49.5 peratus ekuiti, MAI Holdings Group yang dipimpin oleh Ananda Krishnan (48 peratus) dan pemegang saham minoriti (2.5 peratus).

Azizan berkata kos menyelenggara Menara Berkembar Petronas yang dimiliki oleh Midciti Resources Sdn Bhd, usahasama antara Petronas dan KLCC (Holdings), adalah RM40 juta setahun.

Beliau berkata Menara Satu penuh dihuni oleh Petronas, anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya sementara Menara Dua kini 46 peratus penuh dengan anak syarikat dan syarikat bersekutu Petronas serta syarikat-syarikat multinasional.

Beliau berkata KLCC (Holdings) tidak tergesa-gesa untuk memenuhi Menara Dua.

Azizan berkata ia mahu menawarkan baki ruang yang ada kepada syarikat-syarikat multinasional yang memindahkan operasi mereka ke Malaysia.

Ditanya mengenai Dayabumi, ibu pejabat Petronas dahulu berhampiran dengan stesyen keretapi Kuala Lumpur, beliau berkata ia telah disewakan. Ia kini 75 peratus dihuni.

Azizan berkata beliau gembira dengan kedatangan pelawat ke KLCC yang kini antara 80,000 dan 100,000 orang pada hujung minggu.

Beliau juga berharap KLCC akan turut menyumbang kepada industri pelancongan di negara ini. -- BERNAMA

SHY JR

